

LARANGAN

MENANAM POKOK ATAU TANAMAN DI TEMPAT AWAM, MEMOTONG, MEMUSNAHKAN TANAMAN YANG DISELENGGARA MBIP. MENANAM TANAMAN DI DALAM KAWASAN PERSENDIRIAN YANG MENIMBULKAN KACAUGANGGU

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) adalah pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa bagi mengadakan kawalan bagi penanaman pokok / tanaman di tempat awam / tanaman yang berada di dalam kawasan persendirian namun mendatangkan kacau ganggu kepada jiran atau penduduk sekitar



Adalah dimaklumkan perbuatan berikut adalah merupakan kesalahan yang dikuatkuasakan di bawah perundangan MBIP



- Menanam pokok / tanaman selain daripada pokok / tanaman yang sediaada di tanam oleh MBIP atau pemaju. **(Kesalahan dibawah uuk 3 (j) dan 3 (k) Undang-undang Kecil Vandalisme (MPJBT) 2012)**
- Memotong, merosakkan atau memusnahkan pokok, rumput atau di luar pagar rumah / lot tanah persendirian, **(Kesalahan di bawah uuk 3 (j) Undang-undang Kecil Vandalisme (MPJBT) 2012)**
- Menanam pokok / tanaman di dalam kawasan persendirian yang menimbulkan kacauganggu. **(Kesalahan di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171])**
- Pemilik pokok / tanaman adalah bertanggungjawab mengganti rugi MBIP sekiranya terdapat kerosakan harta benda awam seperti bangunan, fasiliti & utiliti.
- pemilik pokok / tanaman juga hendaklah menanggung semua tuntutan ganti rugi sekiranya berlaku kemalangan atau kerosakan harta benda orang lain akibat daripada tanaman haram / tanaman milik persendirian di tempat awam.

TINDAKAN KESALAHAN KACAU GANGGU

- Kompaun maksimum RM1000
- Tindakan mahkamah yang boleh didenda maksimum RM1000 atau penjara tidak lebih 6 bulan / kedua-duanya.
- Menjelaskan bayaran penghapusan kacauganggu yang dilaksanakan oleh Majlis



TINDAKAN KESALAHAN VANDALISME

- Kompaun maksimum RM500
- Tindakan mahkamah yang boleh didenda maksimum RM2000 atau satu tahun penjara atau kedua-duanya dan bagi kesalaahn berterusan denda RM 2000 sehari selepas sabitan.
- Menjelaskan bayaran pengalihan, pelupusan, penyitaan atau lain-lain kerja mengikut kos yang ditanggung oleh MBIP.

